

Pencak silat diterima sebagai sukan utama

BERITA HARIAN, 15 April 2004, Page 15

Pencak silat diterima sebagai sukan utama

TIDAK ada siapa pernah membayangkan seni pertahanan diri Melayu — pencak silat — bakal diiktiraf sebagai sukan setaraf dengan atletik, badminton, bowling, mahupun bola sepak atau renang.

Malah, tidak ada siapa yang menduga pergolakan dalaman sekian lama yang sering menggugat kegiatan sukan ini, masih belum berupaya meruntuhkan semangat perjuangan para pegawai, jurulatih dan atlit untuk meletakkan silat Singapura di peta dunia.

Berdasarkan pencapaian menyerlah dan pembangunan yang cukup lumayan, baik di peringkat akar umbi, sekolah atau di arena antarabangsa, pencak silat kini dinobatkan sebagai salah satu sukan utama di republik ini.

Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Abdullah Shafie Sidik, menyifatkan pengiktirafan Majlis Sukan Singapura (SSC) petang semalam adalah suatu yang harus dibanggakan bersama.

“Ia merupakan ganjaran daripada apa yang telah kami sama-sama usahakan, baik di peringkat jurulatih, pegawai mahupun pesilat sendiri,” kata Abdullah.

Beliau berkata kejayaan pesilat seperti Sheik Alauddin Yaacob, Kadir Ibrahim, Zulfakar Mohd Ramli, Hidayat Hosni dan Badriah Hosni mengukir nama di peringkat dunia turut membantu meningkatkan kedudukan silat.

Bagaimanapun, bagi pengarah teknikal Persisi, Sheik Alauddin, pengiktirafan tersebut disifatkan sebagai ganjaran daripada perit jerih yang pihaknya lalui selama ini.

“Saya tidak dapat meluahkan rasa gembira saya apabila mendapat tahu akan kejayaan ini. Ia dicapai daripada titik peluh yang telah kami sama-sama curah sejak sekian lama,” kata Sheik seakan-akan menahan sebak kerana terharu kegembiraan.

“Perjuangan kami untuk meningkatkan lagi pencak silat di peta dunia baru saja bermula kerana dengan bantuan ini kami dapat membuat perancangan yang lebih besar untuk memajukan silat setempat,” tambah Sheik.

Seperti kata Abdullah, kini Persisi berupaya memberi tumpuan kepada projek pengenalan dan pembangunan silat di kalangan kanak-kanak kerana kumpulan ini bakal mengambil alih pesilat senior pada masa akan datang.

Sementara itu, Sheik Alauddin bersama 10 pesilat telah pun berlepas untuk menyertai Kejohanan Silat di Belgium yang berlangsung dari 16 hingga 18 April ini.